

Timbalan menteri diminta fokus laksana perubahan

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua timbalan menteri di bawah Kerajaan Perpaduan pimpinannya memberi fokus kepada pelaksanaan perancangan serta perubahan yang memanfaatkan rakyat.

Ia antara amanat disampaikan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada program Pemukiman Timbalan Menteri Kerajaan Perpaduan 2023 di Seri Perdana di sini, yang dihadiri semua timbalan menteri.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, Teo Nie Ching, berkata Anwar amat fokus terhadap prestasi kerajaan dan mahu semua timbalan menteri membawa reformasi dalam masa singkat.

"Beliau (Anwar) berpandangan rakyat tidak sabar lagi dan ingin nampak hasil secepat mungkin. Ini peringatan penting bagi semua yang pegang jawatan untuk beri fokus bawa perubahan dalam tempoh singkat," katanya ketika ditemui pemberita selepas program pe-

mukiman itu, semalam.

Sesi pemukiman lebih sejam itu turut disertai Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) Datuk Johan Mahmood Merican.

Dalam sesi pemukiman itu, Nie Ching berkata, timbalan menteri turut menerima taklimat daripada tokoh penting dalam kerajaan termasuk Mohd Zuki dan Johan.

"Perdana Menteri cukup sabar dan jawab soalan kami sepanjang sesi ini, banyak isu yang dibangkitkan," katanya.

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena program itu berkata, pemukiman itu dilaksanakan bagi memperkukuh dan memantapkan kesepakatan dan kesepaduan dalam kalangan timbalan menteri Kerajaan Perpaduan.

JPM berkata, program itu selaras hasrat Perdana Menteri



Anwar bersalaman dengan timbalan menteri yang hadir pada Program Pemukiman Timbalan Menteri Kerajaan Perpaduan 2023 di Seri Perdana semalam. (Foto ihsan PMO)

dalam menterjemahkan agenda islah dan reformasi dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

Program permukiman semalam diisi sesi taklimat khas mencakupi aspek penting ke arah pemantapan penyampaian

perkhidmatan dan pengukuhan tata kelola atau tadbir urus jentera kerajaan.

Aspek itu merangkumi petunjuk prestasi utama (KPI) MADANI Kerajaan Perpaduan, Struktur Kerajaan dan Hal

Ehwal Pentadbiran Awam, Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan, Integriti dan Tata Kelola Organisasi, Protokol Kerajaan dan Profesionalisme serta Komunikasi Media.

BERNAMA